

19/10/2001

Kerajaan berusaha atasi pengangguran

PEMBERHENTIAN pekerja serta meningkatnya kadar pengangguran di kalangan lepasan sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) adalah lumrah apabila kegawatan ekonomi melanda. Tambahan pula apabila ia berkesinambungan daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat yang menyebabkan kegawatan di seluruh dunia, kesannya tidak dapat dielakkan. Dalam pada itu, kerajaan tidak hanya berpeluk tubuh, sebaliknya memperkenalkan pakej rangsangan ekonomi bagi menjana pemulihannya.

Kenyataan bahawa kira-kira separuh daripada 75,700 lepasan IPT tempatan tahun depan dijangka menganggur di samping 10,000 pekerja lagi diberhentikan, sekali imbas memberi gambaran menakutkan. Dalam pada itu, dua program khas membabitkan peruntukan RM300 juta yang akan dilaksanakan bagi mengurangkan beban kewangan mereka yang diberhentikan kerja, penganggur dan siswazah yang belum mendapat pekerjaan, mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam membantu meringankan beban mereka.

Program Khas Peningkatan Latihan Kemahiran bagi mereka yang diberhentikan kerja dan penganggur serta Program Sangkutan dan Latihan di kalangan siswazah dan pemegang diploma yang menganggur, hendaklah dimanfaatkan ke arah meningkatkan mutu sumber manusia untuk keperluan negara. Sambil itu, kita turut mengharapakan Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini turut mengandungi pelbagai langkah tambahan bagi manfaat mereka.

(END)